

PERUTUSAN SAHIBUS SAMAAH YBHG. TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA, SEMPENA PENERIMAAN ANUGERAH KHAS ULAMA' SEPANJANG ZAMAN DI MAJLIS PERDANA ULAMA – UMARA + NGO ISLAM BERSAMA YAB PERDANA MENTERI 2017

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته،

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العلمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وأصحابه أجمعين.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa syukur saya pada Allah S.W.T atas segala nikmat yang telah diberikan. Sebanyak-banyak pengampunan juga saya pohonkan ke hadrat Allah S.W.T atas segala kesalahan dan kelalaian atas segala dugaan yang diberikan.

Pada hari Khamis yang lalu iaitu 3 Ogos 2017, tanpa saya duga dan impikan, saya telah diberikan Anugerah Khas Ulama' Sepanjang Zaman oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, sempena Majlis Perdana Ulama – Umara + NGO Islam Bersama YAB Perdana Menteri 2017. Saya ingin mengambil kesempatan ini, mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak kerana telah memberikan saya anugerah khas ini, tidak lupa juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penganugerahan ini.

Dikesempatan ini juga ingin saya ucapkan ribuan terima kasih pada kerajaan Negeri Perak di bawah kepimpinan DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah dan semua kepimpinan di negeri Perak atas sokongan dan dokongan yang tidak berbelah bagi kepada saya selama memegang amanah ini sebagai Mufti.

Terus terang, saya amat terkejut dengan penganugerahan besar ini yang langsung tidak dijangka. Sepanjang hidup, saya tidak pernah mengimpikan untuk mendapatkan anugerah seumpama ini selain hanya menjalankan amanah dan tugas saya, bukan sahaja sebagai seorang Mufti malah sebagai seorang yang beragama Islam dan seorang rakyat di sebuah Negara Islam ini. Kecintaan saya pada umat Islam, bangsa Melayu dan negara ini seluruhnya membuatkan saya tidak pernah jemu untuk menjalankan tugas ini.

Alhamdulillah, sepanjang saya bertugas sebagai penjawat awam, saya telah bertemu dengan pemimpin-pemimpin negara sejak zaman Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama hingga di bawah kepimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak. Walaupun tugas saya lebih menjurus kepada hal ehwal Islam di negeri, namun saya cuba menasihati dan mengadakan perbincangan ke arah memartabatkan lagi agama Islam di negara ini, atas kapasiti jawatan saya di setiap masa.

Sempena penerimaan Anugerah Ulama Sepanjang Zaman ini, saya ingin sampaikan anugerah ini kepada golongan yang bergelar Ulama di negara kita khususnya dan di seluruh dunia amnya. Bagi saya, saya tidak layak digelar ulama kerana terlalu ramai yang lebih layak dan saya sendiri menganggap mereka sebagai ulama. Ulama sebenarnya memainkan peranan yang sangat penting bagi menggantikan peranan para anbiya' khususnya junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Ini dijelaskan sendiri oleh baginda Rasulullah dalam sebuah hadis oleh Abu al-Darda yang diriwayatkan oleh Abi Daud, al-Tirmidzi dan Ibnu Hibban:

إن العلماء ورثة الأنبياء

Bermaksud: "Sesungguhnya para ulama' itu adalah pewaris para nabi."

Bahkan di sini saya juga mengingatkan diri saya dan para ulama serta barisan para umara tentang peringatan dari hadis yang walaupun diberikan taraf yang dhaif bagi sebahagian ulama, namun bagi saya punya mesej yang sangat besar.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " صِنْفَانِ مِنَ النَّاسِ إِذَا صَلَّحَا صَلَّحَ النَّاسُ ، وَإِذَا فَسَدَا فَسَدَ النَّاسُ : الْعُلَمَاءُ وَالْأُمَرَاءُ . "

Bermaksud: Daripada Abdullah Ibn Abbas Rasulullah bersabda, "Dua golongan besar bila keduanya baik, maka baiklah umat manusia. Dan bila mereka buruk, maka hancurlah umat manusia, yaitu ulama dan umara."

(Hadis disebut oleh Imam al-Suyuti dalam kitab *al-Jami' al-Soghir* dan disebut oleh Abu Nu'aim dalam kitab *Hilyah al-Aulia'*)

Bahkan para bijak pandai pernah menyebutkan bahawa “ Agama itu adalah asas, kekuasaan itu penjaganya. Setiap yang tiada mempunyai asas, akan hancur. Setiap yang tiada penjaganya, akan mudah pula hilang.”

Peringatan ini memberikan kita satu perkara yang sangat penting, iaitu jatuh bangun umat atau negara ini banyak bergantung kepada golongan Ulama dan Umara’. Ditangan 2 golongan inilah, umat dan negara akan dicorakkan.

Sekali lagi saya nyatakan bahawa saya merasakan tidak layak untuk anugerah sebesar ini dan tidak pernah timbul di fikiran saya untuk mengidamkan apa-apa anugerah. Walau bagaimanapun saya dengan ikhlas hati menerimanya sebagai satu motivasi dan inspirasi untuk saya meneruskan lagi perjuangan dan peranan saya bagi memastikan Islam diangkat tinggi di seluruh dunia khususnya di negara kita. Ini bertepatan dengan sabda baginda Rasulullah SAW:

الإسلامُ يعلو ولا يُعلَى عليه

Bermaksud: “Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya.”

Saya juga memohon ampun dan maaf kepada semua pihak yang berkaitan, jika nasihat dan pandangan saya dalam apa jua perkara sepanjang hidup saya ini tidak menepati kehendak dan citarasa mereka, sehinggakan apa yang mereka kehendaki tidak tertunai dan terlaksana. Ingatlah, apa yang saya lakukan adalah sebagai menjalankan amanah Allah SWT kepada saya, dan saya yakin ianya untuk kebaikan dan kemaslahatan semua pihak khususnya umat Islam di negara ini. Renung dan fikirkanlah firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah, ayat 216:



Bermaksud: ‘Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagi kamu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagi kamu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.’

Saya berharap anugerah ini, bukanlah satu penghalang atau tembok yang akan menghalang saya dari memberikan nasihat atau teguran pada golongan umara atau semua pihak. Saya pohon untuk semua pihak untuk mendoakan saya sebagai mufti dan penasihat agama, akan terus komited menasihati para pemimpin negara dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam, memastikan negara ini mengamalkan ajaran Islam berdasarkan undang-undang dan perlembagaan negara, menjadi rujukan rakyat dalam perkara-perkara berkaitan agama Islam, serta menentang dan menghalang habis-habisan segala anasir yang boleh menjatuhkan martabat Islam, sehinggalah saya tidak mampu lagi menjalankan tugas-tugas tersebut. Saya berharap agar perkara ini dapat diteruskan oleh pihak yang berkaitan, dan tidak terhenti selepas ketiadaan saya. Moga usaha kecil saya ini diterima Allah SWT dan diberi ganjaran yang setimpal oleh-Nya.

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA

Mufti Negeri Perak
Darul Ridzuan.